

15 SEP 1998

Mokhtar-Mahathir

PM BERHASRAT UNDUR DIRI SELEPAS KL`98, TETAPI..., KATA WAN MOKHTAR

KEMAMAN, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhasrat untuk mengundur diri selepas Sukan Komanwel ke-XVI, tetapi terpaksa membatalkannya berikutan masalah moral bakal penggantinya, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

"Perdana Menteri memberikan kepercayaan yang tinggi terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sehingga beliau (Dr Mahathir) melantik Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri selama dua bulan, semasa beliau bercuti," katanya ketika berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat bagi kawasan Kemasik di sini malam tadi.

Lebih 500 orang hadir di balai orang ramai Kemasik untuk mendengar penerangan mengenai isu-isu semasa, antaranya kegawatan ekonomi dan isu pemecatan Anwar dari UMNO.

Anwar dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas dan sehari kemudian Majlis Tertinggi (MT) memecat beliau dari parti.

Turut hadir pada majlis itu ialah Anggota Dewan Undangan Negeri Kemasik, Datuk Abu Bakar Ali dan Ketua Penerangan UMNO Bahagian Kemaman Hj Harun Hassan.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Jemaah Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri itu berkata sebenarnya Dr Mahathir tidak mahu membuka keaiban orang dan sebaliknya membiarkan forum yang tertentu, seperti mahkamah, untuk membincangkan permasalahan itu.

"Dr Mahathir tahu jika dia membuka keaiban orang lain, Allah akan membuka keaiban kita pula," katanya.

Tambahnya, Perdana Menteri tidak akan membuat keputusan yang berat itu, terhadap orang yang dididiknya selama 16 tahun, tanpa alasan yang kukuh.

"Keimanan dan keinsafan perlu ada pada orang yang beriman dan jika kita berbuat kejahatan, Tuhan akan membalasnya, begitu juga dengan kebaikan," katanya.

Wan Mokhtar berkata Anwar sememangnya dikenali sebagai seorang yang mempunyai imej Islam yang kuat, antaranya mampu membincangkan soal agama dan memberikan khutbah Jumaat, tetapi mengapa beliau tidak teliti memilih kawan.

Sedangkan Islam memberi garis panduan kepada umatnya dalam soal memilih kawan, kerana kawan sedikit sebanyak dapat mempengaruhi keperibadian seseorang.

Beliau berkata bagaimanapun, kebenaran akan terzahir kemudian dan biarlah undang-undang menentukannya.

-- BERNAMA

SBS RI